

KEPENTINGAN MATA PELAJARAN KOKURIKULUM  
DI KALANGAN PELAJAR INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI :  
TINJAUAN KE ATAS PELAJAR TAHUN AKHIR  
IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN ELEKTRIK DI KUITTHO

MAIZAH BINTI MOHMAD , SOM

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

70200

PERPUSTAKAAN KUI TTHO



3 0000 00119470 7



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN**

**BORANG PENYERAHAN KAJIAN KES**


**JUDUL : KEPENTINGAN MATA PELAJARAN KOKURIKULUM DI  
KALANGAN PELAJAR INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI:  
TINJAUAN KE ATAS PELAJAR TAHUN AKHIR IJAZAH  
SARJANA MUDA KEJURUTERAAN ELEKTRIK DI KUITTHO**

**SESI PENGAJIAN : 2000/2001**


**SAYA : MAIZAH BINTI MOHMAD.SOM**

Mengaku membenarkan Kajian Kes ini disimpan di Perpustakaan Kolej Univesiti Teknologi Tun Hussein Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Kajian kes ini adalah hak milik Kolej Univesiti Teknologi Tun Hussein Onn
2. Perpustakaan Kolej Univesiti Teknologi Tun Hussein Onn dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan kajian ini sebagai bahan pertukaran antara institut pengajian tinggi.



(TANDATANGAN PENULIS)



(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap : No. 112, Km 24, Jalan Air Hitam Bakri,  
84200 Muar, Johor


En. Mohd. Yusop bin Ab.Hadi

Tarikh : 12hb September 2001

Tarikh : 12hb September 2001

**PENGESAHAN PENYELIA**

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknikal)”.

Tandatangan :  .....

Nama Penyelia : En. Mohd. Yusop bin Ab. Hadi

Tarikh : 12hb September 2001

PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



KEPENTINGAN MATA PELAJARAN KOKURIKULUM DI KALANGAN  
PELAJAR INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI: TINJAUAN KE ATAS PELAJAR  
TAHUN AKHIR IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN ELEKTRIK DI  
KUITTHO

MAIZAH BINTI MOHMAD.SOM

Kajian kes ini dikemukakan sebagai memenuhi  
syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknikal)

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER, 2001




PTTAUTHM  
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

**PENGAKUAN**

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Tandatangan :   
Nama Penulis : Maizah binti Mohamad.Som  
Tarikh : 12hb September 2001

**DEDIKASI**

Untuk suami, anak-anak, ayah dan ibu tersayang.



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapatlah saya menyiapkan kajian kes ini dalam masa yang ditetapkan.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada penyelia kajian kes ini iaitu En. Mohd. Yusop bin Ab.Hadi di atas bimbingan dan tunjuk ajar yang telah diberikan sepanjang tempoh kajian kes ini berlangsung. Juga ucapan jutaan terima kasih diucapkan kepada penilai kajian kes ini iaitu Puan Sarebah binti Warman di atas nasihat dan pandangan yang telah diberikan. Terima kasih juga kepada semua responden iaitu para pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn di atas kesudian dan keikhlasan di dalam menjawab soalan-soalan yang dikemukakan di dalam borang soal selidik. Tidak dilupakan juga kepada kakitangan Pusat Media terutamanya Puan Johanis di atas bantuan yang diberikan.

Terima kasih yang tak terhingga juga kepada suami, anak, ayah dan ibu tersayang di atas sokongan padu yang diberikan. Juga kepada rakan-rakan seperjuangan semua.

Sekian, Terima Kasih



## ABSTRAK

Kajian ini dilakukan adalah untuk mengetahui kepentingan mata pelajaran kokurikulum kepada pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi. Di dalam kajian ini borang soal selidik telah digunakan bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan. Seramai 80 orang responden daripada pelajar tahun akhir ijazah sarjana muda kejuruteraan elektrik KUiTTHO telah dipilih bagi menjalankan kajian ini. Analisis data telah dibuat dengan menggunakan kaedah Statistical Package for Social Science (SPSS) bagi mendapatkan nilai peratusan dan min. Hasil kajian telah menunjukkan 33.8% daripada responden melibatkan diri di dalam aktiviti kokurikulum adalah sebagai memenuhi syarat wajib yang telah ditetapkan oleh pihak KUiTTHO. Hasil kajian juga menunjukkan 71.3% daripada responden lebih tertarik kepada kegiatan kokurikulum berbentuk sukan dan rekreasi. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa kebanyakan daripada responden mempunyai pandangan yang positif terhadap kepentingan melibatkan diri di dalam kegiatan kokurikulum. Namun begitu, diharapkan agar cadangan yang dikemukakan akan dapat meningkatkan lagi kesedaran di kalangan pelajar-pelajar IPT terhadap kepentingan melibatkan diri di dalam kegiatan kokurikulum.



PERPUSTAKAAN KUI TTHO AMINAH

## ABSTRACT

The purpose of this research is to identify the importance of co-curriculum activities towards high education institution's students. Questionnaire was used as a methodology of the study in order to obtain the data. 80 respondents from final year students of Degree in Electrical Engineering were chosen in this research. The collected data was analysed by using Statistical Package for Social Science (SPSS) software in order to obtain percentage and mean values. Findings indicated that 33.8% of respondent were involved in the co-curriculum activity in order to fulfill the compulsory condition fixed by KUiTTHO. The result also indicated that 71.3% of respondent were attracted to the sport and recreation activities. Most of the respondents have positive opinion on involving co-curriculum activities. However, it is hoped that the suggestions presented will be able to increase awareness among the high education institution's students on how important to involve in co-curriculum activities.



PT TAAJUTHAM  
PERPUSTAKAAN TOKYO TUN AMINAH

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Halaman Judul	i
	Pengakuan	ii
	Dedikasi	iii
	Penghargaan	iv
	Abstrak	v
	Abstract	vi
	Senarai Kandungan	vii
	Senarai Jadual	xii
	Senarai Rajah	xiv
	Senarai Singkatan	xvi
	Senarai Lampiran	xvii

## BAHAGIAN SATU PENGENALAN

<b>BABI</b>	<b>PENGENALAN</b>	
		1
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	2
	1.3 Pernyataan Masalah	4
	1.4 Persoalam Kajian	5
	1.5 Objektif Kajian	5

1.6	Kepentingan Kajian	6
1.7	Skop Kajian	6
1.8	Definisi Istilah	8
1.8.1	Kepentingan	8
1.8.2	Mata Pelajaran Kokurikulum	8
1.8.3	Pelajar	8
1.8.4	Institusi Pengajian Tinggi	9

## BAHAGIAN DUA SOROTAN KAJIAN

### BAB II SOROTAN KAJIAN 10

2.1	Pendahuluan	10
2.2	Kepentingan Dan Kesan Mata Pelajaran Kokurikulum Ke Atas Pelajar	11
2.3	Penubuhan Unit Kokurikulum KUiTTHO	13
2.3.1	Matlamat Kokurikulum KUiTTHO	13
2.3.2	Objektif Kokurikulum KUiTTHO	14
2.3.3	Bidang Aktiviti	14
2.3.4	Syarat Mendapat Ijazah/Diploma	16
2.3.4.1	Peringkat Ijazah	16
2.3.4.2	Peringkat Diploma	16

## BAHAGIAN TIGA METODOLOGI KAJIAN

### BAB III METODOLOGI KAJIAN 17

3.1	Pendahuluan	17
-----	-------------	----

3.2	Reka Bentuk Kajian	17
3.3	Sumber Data	18
	3.3.1 Data Primer	18
	3.3.2 Data Sekunder	18
3.4	Populasi Kajian	18
3.5	Sampel Kajian	19
3.6	Instrumen Kajian	19
3.7	Kaedah Analisis Data	20
3.8	Batasan Kajian	23
3.9	Andaian Kajian	23
3.10	Persembahan Data	23

**BAHAGIAN EMPAT  
ANALISIS DATA**

**BAB IV ANALISIS DATA 24**

4.1	Pengenalan	24
4.2	Analisis Bahagian A	25
	4.2.1 Jantina	25
	4.2.2 Bangsa	26
4.3	Analisis Bahagian B	27
	4.3.1 Tujuan Penglibatan	27
	4.3.2 Bidang Kokurikulum Yang Diikuti	29
	4.3.3 Keaktifan Pelajar Di Dalam Bidang Kokurikulum Yang Dipilih	30
	4.3.4 Keaktifan Bidang Kokurikulum Yang Dipilih Oleh Pelajar	31
4.4	Analisis Bahagian C	32
	4.4.1 Penglibatan Pelajar Di Dalam Aktiviti Kokurikulum Memberi Peluang Kepada Pelajar Mengaplikasikan Ilmu Yang	

	Diperolehi Dari Bilik Kuliah	33
4.4.2	Penglibatan Pelajar Di Dalam Aktiviti Kokurikulum Akan Melatih Pelajar Menyediakan Diri Untuk Kerjaya Pada Masa Akan Datang	35
4.4.3	Kegiatan Kokurikulum Dapat Membantu Meningkatkan Pembentukan Sahsiah Diri	39
4.4.4	Penglibatan Pelajar Di Dalam Aktiviti Kokurikulum Dapat Menyemai Perasaan Kesediaan Memberikan Bantuan Kesukarelaan Kepada Masyarakat	42
4.5	Cadangan Responden	44

**BAHAGIAN LIMA  
KESIMPULAN DAN CADANGAN**

**BAB V KESIMPULAN DAN CADANGAN 45**

5.1	Pengenalan	45
5.2	Kesimpulan	45
5.3	Cadangan	48
5.3.1	KUiTTHO	48
5.3.2	Pelajar	49
5.3.3	Bidang Kokurikulum	49

**BAHAGIAN ENAM  
SENARAI RUJUKAN**

<b>SENARAI RUJUKAN</b>	<b>51</b>
------------------------	-----------

**BAHAGIAN TUJUH  
LAMPIRAN**

**LAMPIRAN**

54

Lampiran A - B



## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.6.1	Skala Likert yang digunakan di dalam borang soal selidik	20
3.7.1	Pembahagian keputusan analisis	22
3.7.2	Ukuran tahap kecenderungan	22
4.2.1	Taburan responden mengikut jantina	25
4.2.2	Taburan responden mengikut bangsa	26
4.3.1	Taburan responden mengikut tujuan penglibatan	28
4.3.2	Taburan responden mengikut bidang kokurikulum yang diikuti.	29
4.3.3	Keaktifan pelajar di dalam bidang kokurikulum yang dipilih.	30
4.3.4	Keaktifan bidang kokurikulum yang dipilih oleh pelajar.	31
4.4a	Skala-skala dan keputusan analisis	32
4.4b	Ukuran tahap kecenderungan	33
4.4.1	Taburan peratus dan min penglibatan pelajar di dalam aktiviti kokurikulum memberi peluang kepada pelajar mengaplikasikan ilmu yang diperolehi dari bilik kuliah	33
4.4.2	Taburan peratus dan min penglibatan pelajar di dalam aktiviti kokurikulum akan melatih pelajar menyediakan diri untuk kerjaya pada masa akan	



	datang	36
4.4.3	Taburan peratus dan min penglibatan pelajar di dalam aktiviti kokurikulum akan membantu pelajar meningkatkan pembentukan sahsiah diri.	39
4.4.4	Taburan peratus dan min penglibatan pelajar di dalam aktiviti kokurikulum dapat menyemai perasaan kesukarelaan kepada masyarakat.	42

## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH SURAT	TAJUK	MUKA
4.2.1	Peratus responden mengikut jantina	25
4.2.2	Peratus responden mengikut bangsa	26
4.3.1	Peratus responden mengikut tujuan penglibatan	28
4.3.2	Peratus responden mengikut bidang kokurikulum yang diikuti.	29
4.3.3	Keaktifan pelajar di dalam bidang kokurikulum yang dipilih	30
4.3.4	Keaktifan bidang kokurikulum yang dipilih oleh pelajar	31
4.4.1a	Skor min terhadap penglibatan pelajar di dalam aktiviti kokurikulum memberi peluang kepada pelajar mengaplikasikan ilmu yang diperolehi dari bilik kuliah	34
4.4.1b	Peratus persetujuan responden terhadap soalan 7 dan 8	35
4.4.2a	Min penglibatan pelajar di dalam aktiviti kokurikulum akan melatih pelajar menyediakan diri untuk kerjaya pada masa akan datang	37
4.4.2b	Peratus persetujuan responden terhadap soalan 9 – 14	38
4.4.3a	Min penglibatan pelajar di dalam aktiviti kokurikulum akan membantu meningkatkan pembentukan sahsiah diri	40
4.4.3b	Peratus persetujuan responden terhadap soalan 15 – 21	41
4.4.4a	Skor min penglibatan pelajar di dalam aktiviti	

	kokurikulum dapat menyemai perasaan kesediaan	
	memberikan bantuan kesukarelaan kepada masyarakat.	43
4.4.4b	Peratus persetujuan responden terhadap soalan 22 – 25	44



**SENARAI SINGKATAN**

IPT	-	Institusi pengajian tinggi
IPTA	-	Institusi Pengajian Tinggi Awam
KS	-	Kurang setuju
KUITTHO	-	Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
PLSP	-	Pusat latihan staf politeknik
S	-	Setuju
SPSS	-	Statistical package for social sciences
SS	-	Sangat setuju
STS	-	Sangat tidak setuju
TS	-	Tidak setuju

**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



**SENARAI LAMPIRAN**

<b>NO. LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Borang soal selidik	54
B	Hasil SPSS	59



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



**PTTA UTHM**  
**PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH**

**BAHAGIAN SATU**

**PENGENALAN**

## **BAB I**

### **Pengenalan**

#### **1.1 Pendahuluan**

Bidang pendidikan merupakan satu aset yang sangat penting dalam usaha membangunkan sesebuah negara. Pendidikan di negara ini digubal dengan menitikberatkan keperluan negara melalui kurikulumnya yang mencerminkan kehendak sesebuah negara. Pengajaran dan pembelajaran kurikulum yang dilaksanakan secara formal tidak akan lengkap tanpa dikaitkan dengan gerak kerja kokurikulum. Malahan mengambil mata pelajaran kokurikulum telah menjadi syarat wajib kepada semua pelajar pada hari ini.

Menurut Kementerian Pendidikan (1989), gerak kerja kokurikulum adalah gerak kerja yang bercorak pendidikan dan menyediakan pengalaman-pengalaman pembelajaran yang boleh dilaksanakan di dalam atau di luar bilik darjah seperti bidang badan beruniform, bidang persatuan dan kelab dan bidang sukan dan permainan.

Menurut Ab.Alim Abdul Rahim (1999), kokurikulum adalah aktiviti dan pengalaman pendidikan yang dilaksanakan di luar bilik darjah. Kokurikulum lebih banyak dilaksanakan secara tidak langsung atau tidak formal dan ianya lebih menekankan perkara dan aspek yang tersembunyi seperti nilai, bakat, peranan, kepimpinan, sosial dan sebagainya.

Kokurikulum merupakan bidang pembelajaran yang menekankan pemupukan dan perkembangan diri individu melalui psikomotor, kognitif dan afektif. Penglibatan dalam kokurikulum memberi peluang kepada para pelajar mengembangkan bakat, potensi diri dan minat dalam kegiatan yang diceburi. Kegiatan kokurikulum haruslah mengandungi unsur-unsur perkembangan nilai yang boleh membantu proses pembentukan diri bagi menjadikan pelajar warga negara yang lengkap dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek sesuai dengan Falsafah Pendidikan Negara. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1989)

Mengikut Rancangan Strategi UKM 10 Tahun: 1992 – 2002, pendidikan melalui kegiatan kokurikulum ditakrifkan sebagai satu pengalaman pembelajaran meliputi aspek akal, adab, fizikal, efektif dan sosial yang diterapkan secara formal supaya dapat mengamati, menghayati, menganalisis dan menyelesaikan sesuatu masalah supaya hasilnya dapat digunakan seumur hidup. Pengalaman pembelajaran ini perlu dijalankan pada masa selain daripada yang dikhaskan untuk kurikulum formal. Pengalaman pembelajaran menerusi kegiatan ko-kurikulum adalah asas hidup individu yang diterapkan secara berterusan mengikut kehendak individu, universiti, masyarakat dan negara, menghayati ilmu dan mengembangkan pemikiran menerusi aspek intelektual, fizikal, efektif dan sosial sebagai strategi dalam melahirkan masyarakat yang diperlukan dan membekalkan keupayaan individu dalam menyelesaikan masalah hidup secara kreatif.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Kajian ini dibuat adalah bagi meninjau kepentingan mata pelajaran kokurikulum kepada pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT) khususnya di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO).

Pada hari ini, mata pelajaran kokurikulum merupakan sebahagian daripada mata pelajaran yang wajib diambil oleh pelajar-pelajar di IPT. Walaupun bidang



kokurikulum yang diceburi oleh pelajar mampu meningkatkan proses pembentukan diri serta membantu meningkatkan kesan positif di dalam pendidikan formal, tetapi tidak semua pelajar memberikan perspektif yang sama terhadap kegiatan kokurikulum yang wajib mereka ikuti. Terdapat dua kategori pelajar iaitu pelajar yang benar-benar berminat untuk melibatkan diri di dalam kegiatan kokurikulum dan kategori pelajar yang tidak berminat untuk melibatkan diri di dalam kegiatan kokurikulum tetapi lebih kepada hanya memenuhi syarat kredit penganugerahan sijil akademik semata-mata. Oleh yang demikian kajian ini dibuat adalah untuk melihat kedua-dua kategori pelajar tersebut dalam memenuhi keperluan aktiviti kokurikulum.

Kegiatan kokurikulum adalah penting di semua peringkat pengajian sama ada sekolah mahupun pengajian tinggi bagi menyemai, memupuk dan menanam perasaan kekitaan di antara para pelajar serta melatih pelajar bertanggungjawab, berdisiplin, berdikari serta lain-lain lagi. (Mohamed Nor Che Noh, 1985).

Aktiviti kokurikulum pada hari ini bukan sahaja menjadi satu mata pelajaran wajib kepada pelajar-pelajar di institusi pendidikan tinggi, tetapi juga di peringkat sekolah lagi. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (1986), dua konsep yang sentiasa dikaitkan dalam proses pembelajaran dan pengajaran ialah kurikulum dan kokurikulum. Proses pembelajaran dan pengajaran dalam aktiviti kokurikulum lebih menekankan aspek yang tersembunyi seperti nilai, bakat, peranan, kepimpinan dan sosial. Aktiviti ini juga dikenali sebagai kurikulum tersembunyi. Kokurikulum dan kurikulum adalah saling di dalam sistem pendidikan di negara ini. Semua ini jelas menunjukkan konsep kokurikulum kini telah beransur berubah dan diberi wajaran yang lebih dalam sistem pendidikan di negara ini. Konsep kokurikulum di sekolah pada masa kini sudah diterima sebagai sebahagian daripada kurikulum sekolah. Malah 25% daripada markah untuk kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) adalah berdasarkan kepada prestasi pelajar dalam penilaian kokurikulum.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Melibatkan diri di dalam aktiviti kokurikulum adalah menjadi satu perkara wajib di institusi pengajian tinggi. Aktiviti yang hampir sebahagian besarnya dilakukan di luar bilik kuliah ini sudah tentunya mendapat reaksi yang pelbagai dari para pelajar. Bagi yang berminat dengan aktiviti berpersatuan, kerja berkumpulan, aktiviti beruniform dan sebarang aktiviti di luar bilik darjah sudah pastinya menganggap ianya sebagai sesuatu yang menyeronokkan dan mendatangkan kesan yang positif di dalam diri mereka. Sebaliknya bagi yang tidak berminat akan mempunyai seribu satu tanggapan negatif dan menyimpulkannya sebagai suatu yang membebankan tetapi wajib dilaksanakan.

Menurut Shahrolnizam Mokhtar, Sharnol Mustafa dan Wan Muhammad Marzudi Wan Muhammad (1999), aktiviti-aktiviti kokurikulum adalah penting kerana dalam keadaan sekarang, adalah diandaikan pelajar tidak mungkin mendapat pengalaman yang menyeluruh di dalam bilik kuliah. Dengan itu, kokurikulum boleh menyediakan pengalaman tersebut bagi perkembangan mental, minat dan bakat, sosial, fizikal dan rohani pelajar-pelajar. Ia juga dapat membantu meningkatkan pencapaian akademik pelajar dan menjadikan sesebuah sekolah atau instituti pengajian itu sebagai tempat yang menarik.

Matlamat diwujudkan gerak kerja kokurikulum adalah untuk melahirkan pelajar-pelajar yang bukan saja mahir di dalam bidang akademik, tetapi juga berkemahiran di bidang-bidang yang dapat menyumbang kepada pertumbuhan jasmani, rohani, peribadi, intelek, emosi dan sosial yang menyeluruh dalam sama-sama mendukung tanggungjawab terhadap agama, bangsa dan negara (Antin Ahad, 2000).

Kegiatan-kegiatan kokurikulum adalah pelengkap kepada pendidikan formal dalam membantu membina peribadi dan perkembangan pelajar-pelajar yang menyeluruh dan sempurna melalui penglibatan mereka di dalam pelbagai program kokurikulum. Oleh yang demikian, kajian ini perlu dijalankan bagi melihat kepentingan mata pelajaran kokurikulum kepada pelajar-pelajar di IPT.

#### 1.4 Persoalan Kajian

Terdapat beberapa persoalan yang ingin dikaji oleh penyelidik di dalam kajian ini iaitu:

- i) Adakah penglibatan pelajar di dalam aktiviti kokurikulum memberi peluang kepada pelajar mengaplikasikan ilmu yang diperolehi dari bilik kuliah?
- ii) Adakah penglibatan pelajar di dalam aktiviti kokurikulum akan melatih pelajar menyediakan diri untuk kerjaya pada masa akan datang?
- iii) Adakah kegiatan kokurikulum dapat membantu pelajar meningkatkan pembentukan sahsiah diri?
- iv) Adakah penglibatan pelajar di dalam aktiviti kokurikulum dapat menyemai perasaan kesediaan memberikan bantuan sukarelaan kepada masyarakat?

#### 1.5 Objektif Kajian

Secara umumnya objektif kajian ini adalah untuk mengkaji dan seterusnya mendapatkan gambaran yang menyeluruh mengenai kepentingan mata pelajaran kokurikulum kepada pelajar-pelajar di IPT.

Secara khususnya objektif kajian ini adalah :

- i) Untuk mengenalpasti adakah penglibatan pelajar di dalam aktiviti kokurikulum memberi peluang kepada pelajar mengaplikasikan ilmu yang diperolehi dari bilik kuliah?
- ii) Untuk mengetahui adakah penglibatan pelajar di dalam aktiviti kokurikulum akan melatih pelajar menyediakan diri untuk kerjaya pada masa akan datang.
- iii) Untuk mengkaji adakah kegiatan kokurikulum dapat membantu pelajar meningkatkan pembentukan sahsiah diri?

- iv) Untuk mengetahui adakah penglibatan pelajar di dalam aktiviti kokurikulum dapat menyemai perasaan kesediaan memberikan bantuan kesukarelaan kepada masyarakat?

## 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah bertujuan bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas terhadap kepentingan mata pelajaran kokurikulum kepada pelajar-pelajar di institusi pendidikan tinggi.

Hasil kajian ini diharap akan dapat membantu institusi pendidikan yang terlibat khususnya KUiTTHO melihat kekuatan dan kekurangan yang masih wujud dalam polisi pengurusan kokurikulum yang ada di samping menjadikannya sebagai panduan untuk mempertingkatkan lagi penyusunan strategi dan program yang dapat menyumbangkan impak positif kepada para pelajar terutamanya dalam usaha menjadikannya suatu program yang bermanfaat, menarik dan tidak membebankan.

## 1.7 Skop Kajian

Di dalam kajian ini, institusi pendidikan yang akan dipilih adalah Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO). Kajian yang dilakukan hanya tertumpu ke atas penglibatan pelajar di dalam aktiviti kokurikulum di KUiTTHO. Manakala kumpulan sasaran bagi kajian ini pula adalah terdiri daripada pelajar-pelajar KUiTTHO yang mengambil jurusan ijazah sarjana muda kejuruteraan elektrik dan berada ditahun akhir sebagai responden bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan. Pelajar tahun akhir dipilih adalah kerana mereka sudahpun mengambil mata pelajaran kokurikulum dan telah dapat melihat sejauhmana kesan penglibatan mereka terhadap diri dan pencapaian akademik mereka. Pemilihan kawasan kajian dan kumpulan sasaran ini tidak akan mempengaruhi keputusan kajian dan ianya

masih boleh digunakan untuk menerangkan bahawa keadaan dan situasi yang sama akan dihadapi oleh semua pelajar-pelajar di IPT.

Kajian ini dibahagikan kepada 4 jenis kepentingan melibatkan diri di dalam aktiviti kokurikulum kepada pelajar-pelajar di IPT iaitu:

- i) Mengaplikasikan ilmu yang diperolehi dari bilik kuliah ke dalam aktiviti kokurikulum dengan melihat:
  - a. perkaitan yang wujud di antara subjek yang dipelajari di dalam bilik kuliah dengan aktiviti kokurikulum,
  - b. kesinambungan di antara kedua-dua bidang yang saling kukuh-mengukuh itu.
  
- ii) Melatih pelajar menyediakan diri untuk kerjaya pada masa hadapan melalui:
  - a. peningkatan keyakinan dan ketahanan diri yang tinggi,
  - b. bakat kepimpinan,
  - c. pengurusan masa,
  - d. pengurusan kewangan,
  - e. sikap menghormati orang lain terutamanya ketua,
  
- iii) Meningkatkan pembentukan sahsiah diri pelajar seperti:
  - a. berdisiplin,
  - b. sabar,
  - c. menyeimbangkan perkembangan jasmani, emosi, rohani dan intelek.
  
- iv) Menyemai perasaan kesediaan memberikan bantuan sukarelaan kepada masyarakat:
  - a. tanpa mengira waktu,
  - b. tanpa mengharapkan balasan,
  - c. tanpa membezakan warna kulit dan bangsa,
  - d. tanpa membezakan kepercayaan dan agama,



## **1.8 Definisi Istilah**

Terdapat beberapa istilah penting yang diberi penekanan di dalam kajian ini iaitu:

### **1.8.1 Kepentingan**

Menurut Kamus Lengkap (1984), kepentingan adalah mustahak atau sangat diperlukan. Di dalam kajian ini, kepentingan yang dimaksudkan adalah keadaan di mana sesuatu itu amat diperlukan sehingga boleh memberikan kesan atau pengaruh.

### **1.8.2 Mata pelajaran kokurikulum**

Menurut Kamus Lengkap (1984), mata pelajaran adalah perkara yang diajarkan di sekolah. Manakala menurut Mohammad Noor Hj. Salleh (1998), kokurikulum adalah sebahagian daripada kurikulum dan kegiatan kokurikulum seharusnya dapat membantu meningkatkan kesan positif dalam pelajaran, pembentukan akhlak mulia dan dapat menyediakan kemahiran-kemahiran asas ke arah kecemerlangan diri. Di dalam kajian ini, mata pelajaran kokurikulum yang dimaksudkan adalah aktiviti di luar bilik kuliah yang ditawarkan oleh pihak KUiTTHO kepada pelajar-pelajar.

### **1.8.3 Pelajar**

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (1993), pelajar adalah mahasiswa dan mahasiswi yang memperdalamkan pengetahuannya di sesebuah institut pengajian tinggi. Di dalam kajian ini, pelajar yang dimaksudkan adalah pelajar tahun akhir yang mengikuti jurusan ijazah sarjana muda kejuruteraan elektrik di KUiTTHO.

#### 1.8.4 Institusi Pengajian Tinggi (IPT)

Menurut Kamus Lengkap (1984), institusi adalah badan yang melaksanakan tugas yang bersifat kebajikan am. Pengajian pula adalah mendalami, usaha mencapai sesuatu dan belajar manakala tinggi adalah jauh ke atas, maju, pada tingkatan atas dan mahal. Di dalam kajian ini, institusi pengajian tinggi yang dimaksudkan adalah organisasi atau tempat belajar bagi mendapatkan pendidikan yang tinggi iaitu Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO).



**BAHAGIAN DUA**  
**SOROTAN KAJIAN**



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



## BAB II

### SOROTAN KAJIAN

#### 2.1 Pendahuluan

Menurut Ab.Alim Abdul Rahim (1999), dua konsep yang sentiasa dikaitkan dengan proses pengajaran dan pembelajaran ialah kurikulum dan kokurikulum. Kurikulum ialah proses pembelajaran dan aktiviti pendidikan yang berlaku di dalam bilik darjah atau lebih dikenali sebagai mata pelajaran akademik. Manakala kokurikulum adalah aktiviti dan pengalaman pendidikan yang dilaksanakan di luar bilik darjah. Kokurikulum lebih banyak dilaksanakan secara tidak langsung atau tidak formal dan ianya lebih menekankan perkara dan aspek yang tersembunyi seperti nilai, bakat, peranan, kepimpinan, sosial dan sebagainya.

Menurut Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (2000), kesedaran bahawa pendidikan kokurikulum adalah amat perlu disemaikan di kalangan pelajar seiring dengan pendidikan akademik. Penghayatan terhadap keperluan ilmu kokurikulum perlu dicanangkan di dalam satu adunan di kalangan pelajar-pelajar seganding dengan keperluan pendidikan ilmu yang lain.

Oleh kerana kokurikulum merupakan program pendidikan atau pembelajaran yang tidak formal, aktiviti-aktiviti yang dijalankan itu adalah bersifat saling lengkap melengkapi di antara satu sama lain. Ia merangkumi proses pendidikan secara praktikal dan amali. Di samping itu juga kokurikulum ini adalah merupakan

kesinambungan kepada kurikulum yang ada. (Shahrolnizam Mokhtar, Sharnol Mustafa dan Wan Muhammad Marzudi Wan Muhammad, 1999).

## **2.2 Kepentingan Dan Kesan Mata Pelajaran Kokurikulum Ke Atas Pelajar**

Menurut Mohd Zulkafli Mohamed (2000), penglibatan pelajar dalam kokurikulum diharapkan dapat merealisasikan matlamat negara untuk mewujudkan suatu bangsa yang bermoral dan bercorak Malaysia yang bersatu padu. Hasrat ini akan hanya tercapai sekiranya pelajar diberikan pendidikan kokurikulum menyeluruh yang merangkumi aspek mental, fizikal, emosi dan sosial selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara yang menyatakan pendidikan adalah satu usaha ke arah memperkembangkan lagi potensi diri individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Maka dengan sebab itu kegiatan kokurikulum merupakan komponen yang penting bagi mencapai matlamat tersebut.

Menurut Ab.Alim Abdul Rahim (1999), pendidikan kokurikulum yang dilaksanakan di negara ini mempunyai matlamat seperti berikut:

- i) Menyemai perasaan muhibbah, perpaduan dan integrasi nasional di kalangan generasi muda
- ii) Meningkatkan disiplin pelajar
- iii) Menyediakan pengalaman yang menyeluruh dan seimbang dengan pendidikan formal
- iv) Menanam dan memupuk kepimpinan, sahsiah dan kemasyarakatan di kalangan pelajar
- v) Menyumbang usaha membina iklim, budaya dan tempat yang menarik serta menyeronokkan
- vi) Menyeimbangkan perkembangan intelek (akademik) dengan perkembangan jasmani, rohani dan emosi
- vii) Mengisi masa lapang dengan berfaedah

Gerak kerja kokurikulum sangat penting dalam proses pendidikan dan pembelajaran pelajar kerana ianya dapat mengimbang dan menyepadukan pembentukan pelajar dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Pelaksanaan gerak kerja kokurikulum dapat melahirkan iklim dan budaya belajar yang lebih ceria, menyeronokkan dan meninggalkan kesan yang positif di kalangan pelajar. (Wee Eng Hoe, 1999).

Menurut Mohamad Nor Che, Noh (1985), kokurikulum bukanlah terpisah daripada kurikulum pendidikan tetapi ianya merupakan lanjutan kepada mata pelajaran bilik darjah atau kuliah. Pengetahuan dari mata pelajaran lain diintegrasikan dalam aktiviti praktikal kokurikulum.

Kepentingan mata pelajaran kokurikulum sememangnya diperakui oleh banyak pihak sama ada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak di dalam dunia pendidikan. Kepentingannya dapat dilihat melalui pembentukan sahsiah diri pelajar yang terlibat di dalam aktiviti kokurikulum seperti semangat bekerjasama, berdisiplin, bijak menguruskan masa, memupuk jiwa kepimpinan yang tinggi dan sebagainya.

Menurut Laporan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga 2001-2010, aktiviti kokurikulum bagi tujuan membina keperibadian dan membangunkan kualiti kepimpinan akan diberi penekanan yang serius di peringkat sekolah mahupun institusi pendidikan tinggi.

Menurut Shahrolnizam Mokhtar, Sharnol Mustafa dan Wan Muhammad Marzudi Wan Muhammad (1999), oleh kerana kokurikulum merupakan program pendidikan atau pembelajaran yang tidak formal, aktiviti-aktiviti yang dijalankan itu adalah bersifat lengkap melengkapi di antara satu sama lain. Ia merangkumi proses pendidikan secara praktikal dan amali. Di samping itu juga kokurikulum ini adalah merupakan kesinambungan kepada kurikulum.

Satu daripada matlamat utama penubuhan semua persatuan dalam bidang badan beruniform ialah memberi perkhidmatan sukarela dan pertolongan kepada

masyarakat dan negara. Ianya jelas dinyatakan melalui prinsip, ikrar, undang-undang dan aktiviti-aktiviti persatuan berkenaan. (Ab.Alim Abdul Rahim,1999).

Memandangkan kepada pentingnya kegiatan-kegiatan kokurikulum dalam mendidik pelajar maka pendidikan kokurikulum ini wajar bersepadu dengan pendidikan kurikulum dalam melaksanakan pendidikan akademik atau ilmu profesional hatta setelah berada di alam pekerjaan sekalipun.

### **2.3 Penubuhan Unit Kokurikulum KUiTTHO**

Unit Kokurikulum di KUiTTHO telah ditubuhkan seiring dengan penubuhan KUiTTHO sendiri pada 16 September 1993 yang pada masa itu dikenali sebagai Pusat Latihan Staf Politeknik (PLSP). (Prospektus ITTHO 1998-2000)

Kokurikulum di KUiTTHO adalah diuruskan di bawah dua payung iaitu kokurikulum bebas di bawah tanggungjawab Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan kokurikulum akademik di bawah Pejabat Akademik. (Buku Panduan Dan Peraturan Kokurikulum KUiTTHO sesi 2001/2002).

#### **2.3.1 Matlamat Kokurikulum KUiTTHO**

Matlamat penubuhan kokurikulum KUiTTHO adalah untuk melaksanakan program penawaran mata pelajaran kokurikulum dengan pelbagai aktiviti pilihan yang menjurus ke arah pembentukan insan yang seimbang bergelar teknologi dan pendidikan yang profesioanl lagi berdaya saing.

### 2.3.2 Objektif Kokurikulum KUITTHO

Objektif kokurikulum KUITTHO adalah seperti berikut:

- i) Mengadakan kemudahan-kemudahan asas dan sukatan pelajaran dalam menawar pelbagai jenis aktiviti kokurikulum kepada pelajar Kolej pada setiap semester.
- ii) Memberi peluang kepada pelajar mencebur diri dalam aktiviti-aktiviti riadah dan lain-lain aktiviti luar darjah bertujuan mensosialisasikan pelajar di samping menerap nilai-nilai moral yang baik.
- iii) Memberi peluang kepada pelajar melatih diri dari sudut pengimbangan dan penyempurnaan aspek perkembangan diri dari segi seperti jasmani, emosi, rohani dan juga intelek.
- iv) Memupuk dan memanjangkan budaya baik lagi cemerlang bagi generasi pengambil alih pada masa akan datang.

### 2.3.3 Bidang Aktiviti

Bidang aktiviti-aktiviti pilihan untuk mata pelajaran kokurikulum terbahagi kepada tiga bahagian iaitu:

- i) Sukan dan rekreasi
- ii) Kelab/Persatuan
- iii) Pasukan pakaian seragam

Aktiviti-aktiviti yang ditawarkan di bawah bidang-bidang tersebut adalah mengikut keperluan logistik semasa iaitu:

- i) Bola baling
- ii) Bola jaring
- iii) Bola lisut
- iv) Bola sepak
- v) Bola tampar
- vi) Fotografi
- vii) Golf

- viii) Hoki
- ix) Kayak
- x) Memanah
- xi) Ragbi
- xii) Sepak takraw
- xiii) Tenis
- xiv) Koir
- xv) Pengucapan awam
- xvi) Silat sunda
- xvii) Tae Kwon Do
- xviii) Treking
- xix) Pertolongan cemas
- xx) Pertahanan awam
- xxi) Videografi
- xxii) Bahasa Mandarin
- xxiii) Muzik dan
- xxiv) Palapes

Mata pelajaran kokurikulum adalah mata pelajaran wajib universiti dan setiap pelajar wajib mengambil dan meluluskan diri dalam mata pelajaran ini bagi melayakkan diri mendapat penganugerahan diploma atau ijazah. Bagi pelajar yang gagal, mereka mesti menebus kegagalan tersebut dengan cara mengulang hingga lulus.

Secara amnya, kegiatan kokurikulum di KUiTTHO memberikan peluang kepada pelajar menimba pengetahuan dan pengalaman dengan melatih aspek kepimpinan, disiplin, pengurusan masa, bekerjasama dan sebagainya. Para pelajar juga didedahkan dengan pendidikan tidak formal bagi menyuburkan aspek fizikal dan rohani di samping perkembangan intelektual dan kesempurnaan perkembangan diri pelajar selaras dengan matlamat dan objektif kokurikulum KUiTTHO.

### **2.3.4 Syarat Mendapat Ijazah/Diploma**

#### **2.3.4.1 Peringkat Ijazah**

Pelajar-pelajar pada peringkat ijazah sarjana muda perlu lulus 2 kredit mata pelajaran kokurikulum bagi melayakkan mereka mendapat pengiktirafan ijazah sarjana muda.

#### **2.3.4.2 Peringkat Diploma**

Pelajar-pelajar pada peringkat diploma perlu lulus 1 kredit mata pelajaran kokurikulum bagi melayakkan mereka mendapat pengiktirafan diploma.



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



**PTTA UTHM**  
**PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH**

**BAHAGIAN TIGA**  
**METODOLOGI KAJIAN**



## BAB III

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Pendahuluan

Bahagian metodologi ini akan menerangkan berkenaan dengan kaedah-kaedah serta langkah-langkah yang telah digunakan di dalam penyelidikan ini. Perkara yang menjadi tumpuan perbincangan di dalam bab ini adalah reka bentuk kajian, sumber data, populasi kajian, sampel kajian, instrumen kajian, kaedah analisis data, batasan kajian, andaian kajian dan juga persembahan data.

#### 3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian adalah berbentuk satu tinjauan ke atas pelajar tahun akhir yang mengambil jurusan ijazah sarjana muda kejuruteraan elektrik bagi melihat sejauh mana pentingnya pelajar melibatkan diri di dalam aktiviti kokurikulum.

Kaedah tinjauan telah dipilih kerana menurut Cohen dan Manion (1985), di dalam buku yang ditulis oleh Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999), kaedah tinjauan merupakan kaedah pengambilan data dalam satu masa tertentu sahaja dan selalunya menggunakan soal selidik. Penyelidik hanya meninjau situasi pada satu masa dan ini seolah satu '*foto snapshot*' sesuatu peristiwa. Ia dapat menerangkan kaitan lanjut pada satu-satu peringkat masa sahaja.

### **3.3 Sumber Data**

Bagi melaksanakan kajian ini, data yang berkaitan telah diperolehi melalui dua sumber iaitu data primer dan data sekunder.

#### **3.3.1 Data Primer**

Maklumat bagi data ini diperolehi melalui borang soal selidik yang telah diedarkan.

#### **3.3.1 Data Sekunder**

Sumber data sekunder pula diperolehi melalui pembacaan buku-buku rujukan, risalah dari internet, jurnal, seminar dan kertas kerja.

### **3.4 Populasi kajian**

Populasi kajian yang dipilih adalah di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) dari kalangan pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian ijazah sarjana muda kejuruteraan elektrik sebagai responden. Pemilihan responden ini tidak akan mempengaruhi keputusan kajian dan ianya masih boleh digunakan untuk menerangkan bahawa keadaan dan situasi yang sama dihadapi oleh semua pelajar di IPT.

### 3.5 Sampel Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, kaedah persampelan secara rawak telah digunakan ke atas pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian ijazah sarjana muda kejuruteraan elektrik di kawasan kajian. Sebanyak 80 set borang soal selidik telah diedarkan untuk diisi oleh responden.

Merujuk kepada Krejcie .R. V. dan Morgan (1970), dalam mengenalpasti saiz sampel sesuatu penyelidikan, sekiranya saiz populasi adalah 100, maka saiz sampelnya adalah 80.

### 3.6 Instrumen Kajian

Satu set borang soal selidik telah disediakan dan diedarkan kepada responden iaitu pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian ijazah sarjana muda kejuruteraan elektrik dengan menggunakan kaedah persampelan rawak mudah. Ini bertujuan bagi mendapatkan maklumat yang dikehendaki. Soalan-soalan yang dikemukakan di dalam borang soal selidik ini adalah berdasarkan kepada objektif kajian. Borang ini telah diedarkan sendiri oleh penyelidik kepada responden agar tujuan dan objektif kajian dapat diterangkan dan mereka telah diberi masa yang mencukupi untuk mengisi borang soal selidik tersebut bagi memastikan ketepatan dan kesahihan maklumat yang akan diperolehi.

Borang soal selidik ini mempunyai tiga bahagian mengikut susunan seperti berikut: (rujuk lampiran A).

Bahagian A: Maklumat peribadi responden

Bahagian B: Bidang kokurikulum yang diikuti oleh responden di KUiTTHO

Bahagian C: Pandangan responden terhadap kepentingan kokurikulum

Bahagian A dan B di dalam borang soal selidik yang diedarkan menghendaki responden menjawab soalan dengan menandakan ( / ) pada jawapan yang dirasakan sesuai berbanding jawapan-jawapan yang lain.

Manakala untuk bahagian C, responden dikehendaki menandakan ( / ) pada jawapan yang dipilih dan skala yang digunakan adalah skala *likert*. Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999), skala *likert* ini menghendaki responden menandakan jawapan tentang sesuatu kenyataan berdasarkan kepada satu skala dari satu ekstrem kepada ekstrem yang lain. Kaedah ini dipilih kerana ia dapat menilai atau mengkaji tahap ketinggian atau kerendahan melakukan perkara yang disoal di dalam borang soal selidik dan ia mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 85%.

Skala *likert* yang digunakan di dalam borang soal selidik adalah seperti berikut:

Jadual 3.6.1 : Skala *likert* yang digunakan di dalam borang soal selidik.

1	Sangat tidak setuju (STS)
2	Tidak setuju (TS)
3	Kurang setuju (KS)
4	Setuju (S)
5	Sangat setuju (SS)

### 3.7 Kaedah Analisis data

Satu kajian rintis telah dijalankan dengan mengambil 10 orang responden yang dipilih secara rawak seminggu sebelum kajian sebenar dijalankan. Tujuan kajian rintis ini dijalankan adalah untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik. Kesahan dan kebolehpercayaan ini telah diuji dengan ‘Alpha Cronbach’. Perubahan ke atas item-item di dalam borang soal selidik akan diubah sehingga nilai

kesahan dan kebolehpercayaan dipercayai. Ini dapat dilihat di dalam kenyataan Reber, A.S (1995):

*“A measure of the internal reliability of the items on a test or questionnaire. It ranges from 0 to 1.0 and reflects the extent to which the items are measuring the same thing. For example, if all respondent who said ‘no’ to question 1 also said ‘no’ to question 2 and 3, the alpha for these three would be 1.”*

Reber, A.S (1995)

Soalan-soalan di bahagian A adalah berkaitan dengan faktor-faktor demografi responden iaitu jantina dan bangsa. Data yang diperolehi telah dianalisis dan diringkaskan dalam bentuk jadual dan carta pai yang mengandungi bilangan dan peratus responden.

Manakala bagi bahagian B pula iaitu persoalan-persoalan yang menyentuh bidang kokurikulum yang diikuti oleh pelajar. Jawapan kepada persoalan-persoalan ini menerangkan bahawa bidang kokurikulum yang dipilih oleh pelajar dan penglibatan mereka di dalam aktiviti kokurikulum serta dapat melihat sama ada bidang yang dipilih tersebut bergiat aktif atau sebaliknya. Data yang diperolehi telah dianalisis dan diringkaskan dalam bentuk jadual dan carta pai yang mengandungi bilangan dan peratus responden.

Soalan di bahagian C pula adalah tertumpu kepada pandangan responden mengenai kepentingan kokurikulum terhadap diri mereka. Soalan-soalan di bahagian C ini telah dapat menjelaskan atau memberikan jawapan kepada persoalan-persoalan kajian yang telah dibina di mana soalan 7 dan 8 memberikan jawapan kepada persoalan kajian 1 yang berkaitan penglibatan pelajar di dalam aktiviti kokurikulum memberi peluang kepada pelajar mengaplikasikan ilmu yang diperolehi dari dalam bilik kuliah. Sementara soalan 9 hingga 14 pula telah menjawab persoalan kajian 2 iaitu sama ada penglibatan pelajar di dalam aktiviti kokurikulum akan memberikan keyakinan kepada pelajar untuk mengharungi alam pekerjaan. Soalan 15 hingga 21 telah menjawab persoalan kajian 3 iaitu sama ada penglibatan pelajar di dalam

aktiviti kokurikulum benar-benar boleh membantu meningkatkan pembentukan sahsiah diri seseorang pelajar dan soalan 22 hingga 25 telah menjawab persoalan kajian 4 iaitu sama ada penglibatan pelajar di dalam aktiviti kokurikulum dapat menyemai perasaan kesediaan memberikan bantuan kesukarelaan kepada masyarakat.

Di dalam kajian ini jawapan-jawapan yang diterima daripada responden melalui borang soal selidik yang diedarkan telah dibahagikan kepada beberapa bahagian tertentu seperti jadual 3.7.1 berikut:

Jadual 3.7.1 : Pembahagian Keputusan Analisis

Skor	Nilai	Keputusan
1	Sangat tidak setuju	Tidak setuju
2	Tidak setuju	
3	Kurang setuju	Kurang setuju
4	Setuju	Setuju
5	Sangat setuju	

Bagi nilai sangat setuju (5) dan setuju (4) akan digabungkan untuk menjadi keputusan setuju. Bagi nilai kurang setuju (3) akan tetap menjadi keputusan sebagai kurang setuju. Manakala bagi nilai sangat tidak setuju (1) dan tidak setuju (2) akan digabungkan menjadi keputusan tidak setuju.

Menurut Keotsvavt Landell (1997), bagi mengukur tahap kecenderungan keputusan setuju adalah berdasarkan kepada jadual 3.7.2 berikut:

Jadual 3.7.2 : Ukuran Tahap Kecenderungan

Min Skor	Tahap kecenderungan
1.0 – 2.3	Rendah
2.4 – 3.7	Sederhana
3.8 – 5.0	Tinggi

Data yang diperolehi telah dianalisis dan diringkaskan dalam bentuk jadual yang menunjukkan peratus dan min dan keputusan telah ditunjukkan dalam bentuk graf histogram.

Data yang diperolehi daripada soal selidik yang diedarkan telah dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis peratusan mudah dan Statistical Package for Social Sciences (SPSS).

### **3.8 Batasan Kajian**

Di dalam kajian ini, pengkaji hanya ingin mengkaji kepentingan mata pelajaran kokurikulum kepada pelajar-pelajar di IPT.

### **3.9 Andaian Kajian**

Pengkaji mengandaikan bahawa maklumat daripada responden dan keputusan yang telah diperolehi daripada penganalisan data yang dilakukan akan mewakili atau menggambarkan keseluruhan kajian iaitu pelajar-pelajar di KUiTTHO.

### **3.10 Persembahan Data**

Hasil maklumat yang diperolehi daripada pemprosesan data adalah dipersembahkan dalam bentuk jadual, carta pai, bentuk peratusan dan nilai skor min bagi memudahkan persembahan dan perbincangan. Hasil dapatan, kesimpulan dan cadangan yang dibuat adalah berdasarkan kepada analisis data yang telah dijalankan bagi menerangkan objektif kajian yang telah dibentuk.



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**BAHAGIAN EMPAT**  
**ANALISIS DATA**



### SENARAI RUJUKAN

\_\_\_\_\_. (1984) "Kamus Lengkap, Pustaka Zaman Sdn Bhd" Petaling  
Jaya: Preston Corporation Sdn Bhd

\_\_\_\_\_. (1993) "Kamus Dewan, , Kementerian Pendidikan Malaysia".  
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka

\_\_\_\_\_. (1998) "Prospektus ITTHO 1998-2000". Institut Teknologi Tun  
Hussein Onn

\_\_\_\_\_. (2001) "Buku Panduan Dan Peraturan Kokurikulum KUiTTHO  
sesi 2001/2002". Pusat Kokurikulum (akademik): Kolej Universiti  
Teknologi Tun Hussein Onn

Ab. Alim Abdul Rahim (1999). Pengurusan Kokurikulum Dan Badan  
Beruniform". Shah Alam : Fajar Bakti Sdn Bhd

Kementerian Pendidikan Malaysia (1986). "Pendidikan di Malaysia". Kuala  
Lumpur: Pelangi Indah.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1989). "Laporan Jawatan Kuasa Kabinet  
Mengenai Perlaksanaan Dasar Pelajaran". Kuala Lumpur: Dewan  
Bahasa Dan Pustaka.

Keotsvavt Landell (1997). "Management By Menu". London : Wiley & Sons  
Inco. (Pg 80-82)



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Krejeie, R. V. and Morgan (1970). "Determining Sample Size For Research".  
Educational and Psychological Measurement

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan." Johor  
Darul Ta'zim: Universiti Teknologi Malaysia

Mohamad Nor Che' Noh (1985). "A Study The Effect Of Participation In  
Sport And Some Social Phycological Variable On Adjustment And  
Academic Achievement". Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi :  
Latihan Ilmiah

Mohd Zulkafli Mohamed (2000). "Penglibatan Pelajar Dalam Kegiatan Ko-  
Kurikulum Sukarela. Satu Tinjauan Di Institut Teknologi Tun Hussein  
Onn Batu Pahat: Kajian Kes"

Shahrolnizam Mokhtar, Sharnol Mustafa dan Wan Muhammad Marzudi Wan  
Muhammad (1999). "Kajian Mengenai Pengaruh Penglibatan Dalam  
Ko-Kurikulum Ke Atas Pencapaian Akademik Pelajar-Pelajar Di  
Institut Teknologi Tun Hussein Onn: Kajian Kes"

Wee Eng Hoe (1999). "Gerak Kerja Kokurikulum (Sukan)." Shah Alam:  
Fajar Bakti Sdn Bhd

"Laporan Rancangan Rangka Jangka Panjang Ketiga 2001-2010" Berita  
Harian 04/04/2001

"Rancangan Strategi UKM 10 Tahun : 1992 – 2002".  
[http://www.ukm.my/ukm/hep/kurikulum/intro\\_main.html](http://www.ukm.my/ukm/hep/kurikulum/intro_main.html)

Antin Ahad. "Jabatan Kokurikulum".  
<http://members.tripodasia.com.my/dcc/dcc.htm>

Mohammad Noor Hj. Salleh (1998). "Kecemerlangan Melalui Kokurikulum."  
<http://members.tripod.com/~Smklc/kokurikulum.html>



PTT AUTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (2000)  
<http://members.tripod.com/pkpim/buletin01.htm>

Reber, A.S (1995). "Cronbach's Alpha". The Penguin Dictionary of  
Psychology". <http://www.xrefer.com/entry/148501>

